



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAJLIS SAMBUTAN HARI SEDUNIA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN (*WORLD OSH DAY 2023*)

&

PELANCARAN GARIS PANDUAN MENCEGAH & MENANGANI KEKERASAN TERHADAP WARGA KERJA DI FASILITI KKM EDISI KE-2

Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan & Kesihatan di Tempat Kerja Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 10 Mei 2023 (Rabu) bertempat di Institut Kanser Negara. Sambutan ini merupakan program tahunan yang disarankan oleh *International Labour Organisation* (ILO) dan disambut pada 28 April setiap tahun di seluruh dunia.

Pada tahun ini, tema sambutan adalah “Persekitaran Kerja yang Selamat & Sihat: Hak Pekerja” (A safe and healthy working environment: A Fundamental Right), sebagaimana yang telah ditetapkan oleh ILO. Malaysia, salah sebuah negara yang menganggotai Pertubuhan, bersama meraikan sambutan tersebut semenjak tahun 2006. Ini merupakan usaha berterusan dan komitmen Kerajaan sejajar dengan *Promotional Framework for Occupational safety and Health Convention 2006* (No.187) yang telah ditandatangani bagi memastikan pekerja-pekerja di negara ini dilindungi sebaiknya sepanjang mereka menjalankan tugas seharian di tempat kerja.

Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran antarabangsa mengenai keselamatan dan kesihatan dalam kalangan pekerja dan majikan menerusi penerapan budaya kerja selamat dan sihat. Ia juga bertujuan memupuk tanggungjawab setiap individu untuk mencegah kemalangan, penyebaran penyakit mahupun kematian pekerja di tempat kerja, disamping mencapai sasaran *Sustainable Development Goal* (SDG), 8.8 iaitu persekitaran kerja yang selamat dan terjamin bagi semua pekerja menjelang tahun 2030.

Sempena majlis sambutan ini, Garis Panduan Mencegah & Menangani Kekerasan Terhadap Warga Kerja Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Fasiliti Kesihatan Edisi ke-2 telah dilancarkan. Garis panduan ini adalah penambahbaikan garis panduan sedia ada dari segi definisi, skop, pengendalian kes kekerasan dan proses notifikasi.

Kekerasan di tempat kerja telah dikenalpasti sebagai salah satu cabaran utama di tempat kerja. Kekerasan dalam apa jua bentuk sama ada serangan fizikal, verbal, seksual mahupun bertulis boleh mengganggu produktiviti warga kerja KKM. Edisi pertama Garis Panduan Mencegah & Menangani Kekerasan Terhadap Anggota di Fasiliti KKM telah diterbitkan pada 28 April 2017. Statistik pelaporan kes kekerasan yang diterima oleh KKM semenjak tahun 2017 menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Sebanyak 167 kes kekerasan telah dilaporkan pada tahun 2017 pada pasca pelancaran garis panduan ini, 442 kes pada tahun 2018 dan terus meningkat pada tahun 2019 iaitu sebanyak 494 kes. Manakala sebanyak 321 kes dilaporkan pada tahun 2020 dan 260 kes dilaporkan pada tahun 2021 semasa fasa pandemik COVID-19.

Kekerasan terhadap warga KKM memberi kesan negatif terhadap keselamatan dan kesihatan psikologi serta fizikal, seterusnya menjejaskan prestasi kerja. Ini boleh menjejaskan kualiti penjagaan perubatan dan menyebabkan kerugian dari aspek perbelanjaan dalam sektor kesihatan. Justeru, pelancaran garis panduan ini bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan & Kesihatan di Tempat Kerja 2023 Peringkat Kebangsaan adalah amat penting dalam usaha mewujudkan tempat kerja yang selamat, sejahtera dan produktif.

Melalui garis panduan terbaharu ini, kekerasan terhadap warga KKM diharap dapat ditangani dengan lebih berkesan serta memastikan keselamatan serta kesejahteraan tempat kerja di KKM terpelihara. Ini juga menunjukkan komitmen pengurusan atasan KKM dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan warga kerja KKM, dan pada masa yang sama mutu penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik dapat disampaikan kepada pelanggan sekiranya gangguan seumpama ini terhadap warga KKM dapat dikurangkan.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
10 MEI 2023